

30 DEC 2000

Abdullah-Tuntutan

HENTIKAN CAKAP-CAKAP MENGENAI ISU TUNTUTAN, KATA PAK LAH

MUAR, 30 Dis (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengulangi peringatannya agar semua pihak memberhentikan cakap-cakap mengenai isu tuntutan Jawatankuasa Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Siqui) kerana ia tidak membawa sebarang faedah.

"Sepatutnya orang kita jangan layanlah... tak usah dilayanlah. Bila dilayan, ada orang yang suka dengar mereka ambil kesempatanlah. Itu saja, kalau kita tak layan, tak adalah apa-apa," kata beliau.

Abdullah berkata sebenarnya rakyat Malaysia perlu memahami bahawa cakap-cakap seperti itu tidak membawa kebaikan kepada hubungan berbaik-baik antara kaum yang wujud di negara ini.

Mana-mana golongan tidak boleh meminta dan mengharapkan apa yang mereka mahu semuanya boleh diperolehi, katanya kepada pemberita ketika menghadiri majlis rumah terbuka Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman di Sungai Mati, dekat sini hari ini.

Menurutnya dalam muafakat antara kaum yang telah wujud di negara ini, sudah semestinya ada sifat tolak ansur dan tidak ada sesiapa pun yang akan mendapat 100 peratus yang dikehendaki.

"Kalau sudah setuju, janganlah ungkit-ungkit lagi...," kata Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri.

Ketika ditanya apakah tindakan akan diambil terhadap golongan yang terus membicarakan soal itu sedangkan beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membuat peringatan perkara itu berbahaya jika dibangkitkan, Abdullah berkata: "Saya sudah dua kali bercakap memberi peringatan."

"Saya ingat semua orang yang dengar sudahpun dengar dan mereka pun faham yang saya cakap adalah jelas... yang Perdana Menteri cakap pun begitu jelas," tambahnya.

Dr Mahathir pada 24 Dis lepas menegaskan kerajaan menolak sama sekali tuntutan Siqui berhubung penghapusan hak istimewa orang Melayu kerana ia keterlaluan.

Pada 11 Dis lalu, Dr Mahathir memberitahu Dewan Rakyat bahawa Perlembagaan Malaysia dan kontrak sosial yang menjadi asas negara pelbagai kaum terpaksa diketepikan jika kesemua 83 tuntutan Siqui diterima oleh kerajaan.

Berikutan tuntutan Siqui itu, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) membuat tuntutan balas 100 perkara antaranya meminta supaya Perlembagaan Persekutuan dipinda supaya hanya orang Melayu yang boleh menjadi Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MKO LAT